


Zaidatul buru rekod 23 tahun



ZAI DATUL HUSNIAH ZULKIFLI

RIO DE JANEIRO 11 Ogos -

Walaupun sukar, ratu pecut negara Zaidatul Husniah Zulkifli meletakkan sasaran untuk memadamkan rekod kebangsaan selama 23 tahun dalam acara 100m wanita yang masih dimiliki G. Shanti dalam Sukan Olimpik Rio 2016:

Dia yang layak ke Rio melalui tiket *wildcard* berkata, kejayaan raja pecut 100m lelaki Khairul Hafiz Jantan memecahkan rekod kebangsaan berusia 18 tahun milik Watson Nyambek dalam Sukan Malaysia (Sukma) di Sarawak baru-baru ini dijadikan inspirasi untuk mencapai sasaran berkenaan.

Tegasnya, dia juga berada pada tahap prestasi terbaik tanpa sebarang kecederaan dan sudah menyesuaikan diri selepas empat hari tiba di sini dan bersedia sepenuhnya untuk bertanding



dalam peringkat saringan pada Jumaat ini (waktu tempatan).

“Memecahkan rekod kebangsaan adalah impian saya sejak sekian lama, memang sasaran awal adalah untuk memperbaiki catatan masa peribadi tetapi sebagai atlet, pastinya tetap ada impian untuk membuat rekod baharu setiap kali bertanding,” katanya di sini semalam.

Rekod kebangsaan acara 100m wanita adalah 11.50s yang dilakar Shanti pada 1993 dalam satu kejohanan di Kuala Lumpur dan masih belum mampu dipadamkan oleh pelari pecut wanita generasi baharu.

Catatan peribadi terbaik Zaidatul Husniah, yang merupakan mahasiswa semester empat jurusan Ijazah Pendidikan Jasmani, Fakulti Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM), ialah 11.62s yang dicatatkan dalam temasya Sukan Universiti Asia (AUG) di Palembang, Indonesia pada 2014. - UTUSAN